



SIARAN SERTA MERTA

UKK/600-01/02 Jld 7

SIARAN MEDIA

SEMARAK SENI BERSAMA BALAI SENI NEGARA MENERUSI PROGRAM JERAYAWARA SENI DWIMUSIM KUALA TERENGGANU 2023

17 JUN 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi agensinya, Balai Seni Negara menganjurkan Program Jerayawara Seni Dwimusim Kuala Terengganu 2023 bertemakan Lindungan dan Dagangan. Program yang bermula pada bulan Disember tahun 2022 itu bermatlamat untuk memetakan aktiviti komuniti kreatif Kuala Terengganu dalam bentuk pameran, seni awam, simposium antarabangsa dan aktiviti bersama komuniti.

Program Jerayawara Seni Dwimusim Kuala Terengganu 2023 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Ketua Setiausaha MOTAC bersama Yang Berhormat Mulia (YBM) Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Negeri, Terengganu di Bangunan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Terengganu.

Program yang mengangkat kearifan tempatan, produk seni, budaya dan warisan negeri ini membawakan pelbagai pengisian aktiviti. Antaranya ialah Pameran KU.POL yang dikurasi oleh pasukan kuratorial Balai Seni Negara, menghimpunkan koleksi kotak beca daripada Koleksi Seni Negara yang dihasilkan oleh pelukis, Encik Dahlan Sulaiman dan sebuah beca yang berasal dari Kuala Terengganu, belian koleksi pada tahun 2001.

Jerayawara Seni Dwimusim Kuala Terengganu 2023 turut membawakan Program Doktong oleh kolektif Mandalika iaitu program dan aktiviti seni dalam menegenahkan kearifan tempatan, bakat dan produk tempatan. Turut serta adalah Persatuan Pelukis Terengganu (PeTer) menerusi bengkel dan demonstrasi lukisan kotak beca.

Selain itu, pelbagai seni awam (*public art*) telah dihasilkan yang bakal menjadi tarikan dan pengalaman baharu buat pengunjung negeri berkenaan. Antaranya ialah Mural Tiang Jambatan Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah (Jambatan Duyong) 2.0, Mural Tukang Bot KLaut, Wokaf Awang Sulong dan Arca Awam: *The Diversity of Batik Technique: Bamboo Construction and Batik Installation*. Seni awam ini mendapat penglibatan pelukis dari Malaysia serta jemputan kolaborasi kepada penggiat seni luar negara iaitu Pattani, Thailand.

Sempena perasmian program ini, Balai Seni Negara turut menganjurkan beberapa program komuniti seperti Program Tembok Seni iaitu program melukis mural bersama dua pelukis muda Yaulacap dan Mie Ali yang disertai oleh warga tempatan dalam usaha untuk memperindah ruang dinding awam di luar Pusat Akuatik Kuala Terengganu. Seterusnya, orang ramai juga dapat menyertai lawatan berpandu melalui Program Telusur Seni untuk melihat serta meneroka seni awam yang menjadi tarikan terbaharu di Kuala Terengganu.

Maklumat lanjut mengenai program ini, layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my